



Terma & Syarat Program EasyCash (ECP) Bank Simpanan Nasional (BSN)

1. Program BSN EasyCash ("ECP") oleh Bank Simpanan Nasional ("BSN") ditawarkan kepada semua Ahli Kad Utama BSN Kad Kredit/-i baharu dan sedia ada yang layak ("Ahli Kad").
2. Akaun Ahli Kad hendaklah berada dalam keadaan semasa, dalam kedudukan yang baik dan tidak ditutup, dibatalkan, digantung atau ditamatkan oleh BSN dan mempunyai had kemudahan yang mencukupi.
3. ECP membolehkan Ahli Kad membuat pengeluaran sehingga 80% mengikut had kemudahan Ahli Kad yang sedia ada.
4. ECP mempunyai pelan-pelan berikut:

Pelan	Tempoh	Amaun Tunai Minimum	Kadar Keuntungan / Faedah (Setahun)	Kadar Keuntungan / Faedah (Sekali Caj)	Langganan Perlindungan Kredit
AA	6 Bulan	RM500.00	N.A.	1.99%	Pilihan
AB	12 Bulan	RM500.00	N.A.	3.99%	
AC	24 Bulan	RM1,000.00	3.99%	N.A.	
AD	36 Bulan	RM2,000.00	3.99%	N.A.	
AE	48 Bulan	RM3,000.00	4.99%	N.A.	
AF	60 Bulan	RM3,000.00	5.99%	N.A.	
AG	72 Bulan	RM3,000.00	5.99%	N.A.	

5. Pengeluaran ini tertakluk kepada jumlah minimum ECP sebagaimana yang dinyatakan dalam klausa 4; dan tertakluk kepada budi bicara BSN dan ia boleh diubah oleh BSN dari semasa ke semasa.
6. BSN berhak dan akan mengenakan Kadar Keuntungan/Faedah (Setahun) ke atas Jumlah ECP sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual di Klausa 4. Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) bagi setiap permohonan Pelan AA dan Pelan AB akan didebitkan daripada Akaun Kad Ahli Kad dan tidak akan dikembalikan. Untuk Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) yang berkenaan, sila rujuk kepada Klausa 4.
7. Semasa Tempoh Ansuran ECP, Jumlah ECP hendaklah dibayar melalui ansuran bulanan yang sama banyak ("Ansuran Bulanan ECP"). Tempoh Ansuran ECP atau Ansuran Bulanan ECP tidak boleh diubah atau dipinda setelah permohonan ECP diluluskan.

8. Bagi pelan AA dan AB, Ahli Kad hendaklah membayar Ansuran Bulanan ECP berserta Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) pada ansuran bulan pertama dan selepas itu, Ahli Kad hanya perlu membayar Ansuran Bulanan ECP bagi bulan-bulan berikutnya. Ansuran bulan pertama mungkin lebih tinggi sedikit berbanding bulan-bulan berikutnya kerana pelarasan pembundaran.
9. Bagi pelan AC, AD, AE, AF dan AG, Ansuran Bulanan ECP dikira sebagai Jumlah ECP ditambah Kadar Keuntungan/Faedah (Setahun) yang berkenaan dibahagikan dengan bilangan bulan dalam Tempoh Ansuran ECP. Ansuran bulan pertama mungkin lebih tinggi sedikit berbanding bulan-bulan berikutnya kerana pelarasan pembundaran.
10. Kadar yang dinyatakan dalam jadual di Klausa 4 hanya terpakai untuk permohonan baru mulai 1 Oktober 2022. Bagi Ahli Kad sedia ada yang melanggan sebelum tarikh ini, kadar yang diluluskan semasa permohonan kekal terpakai.
11. Ahli Kad hendaklah menyatakan butiran berikut dalam borang permohonan:
 - a) Jumlah ECP yang dimohon oleh Ahli Kad;
 - b) Pelan ECP yang dimohon oleh Ahli Kad, rujuk Klausa 4; dan
 - c) Butiran akaun simpanan atau akaun semasa Ahli Kad yang diselenggara oleh bank berlesen di Malaysia bagi tujuan pindahan Jumlah ECP yang diluluskan.
12. Kelulusan permohonan Ahli Kad akan tertakluk kepada:
 - a) Kedudukan semasa akaun Ahli Kad; dan
 - b) Had kemudahan yang masih ada pada masa permohonan.
13. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, meluluskan atau menolak permohonan Jumlah ECP yang dipohon oleh Ahli Kad atau meluluskan amaun yang lebih rendah sebagaimana yang difikirkan sesuai. BSN tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan Ahli Kad tentang amaun lebih rendah tersebut sebelum diluluskan.
14. Setelah diluluskan, Jumlah ECP akan dikreditkan ke akaun simpanan atau semasa Ahli Kad melalui cara berikut:
 - a) Pemindahan dalaman ke akaun bank Ahli Kad yang diselenggara di BSN; atau
 - b) Pemindahan Interbank GIRO (IBG) ke akaun bank Ahli Kad di bank berlesen lain di Malaysia yang dinyatakan dalam borang permohonan ECP.

Ahli Kad bertanggungjawab untuk memberikan nombor akaun yang betul dan tepat kepada BSN bagi tujuan pengkreditan Jumlah ECP yang diluluskan. BSN tidak bertanggungjawab terhadap pengkreditan yang dibuat ke akaun yang salah atau tidak tepat sebagaimana diberikan oleh Ahli Kad.
15. Ahli Kad tidak akan memperolehi Mata Ganjaran BSN dan/atau Pulangan Tunai bagi ECP ini.
16. Ahli Kad yang akaunnya dengan BSN dipercayai telah dikendalikan secara fraud, atau yang telah dibatalkan, digantung, ditutup, ditamatkan, tertunggak atau melanggar mana-mana perjanjian dengan BSN adalah tidak layak memohon ECP.

17. Ahli Kad boleh pada bila-bila masa membatalkan penyertaan dalam ECP atau memilih untuk penyelesaian awal Jumlah ECP dengan memaklumkan kepada BSN. Dalam keadaan pembatalan atau penyelesaian awal atau jika Ahli Kad membatalkan Kad, Ahli Kad perlu membayar jumlah prinsipal tertunggak ECP dan bagi pelan AC, AD, AE, AF dan AG, bersama-sama dengan satu (1) bulan keuntungan/faedah yang kena dibayar. Setelah pembatalan ECP, semua jumlah tertunggak akan serta-merta menjadi kena dibayar sepenuhnya kepada Bank. Semua jumlah tertunggak akan dinyatakan dalam Penyata Bulanan Akaun Ahli Kad dan hendaklah dibayar mengikut Perjanjian Ahli Kad, kegagalan mana-mana memberi hak kepada Bank untuk menguatkuasakan haknya di bawah Perjanjian Ahli Kad.
18. Setiap keadaan berikut merupakan kejadian ingkar di mana dengan berlakunya situasi tersebut, semua caj tertunggak dan/atau Ansuran Bulanan ECP dan/atau semua wang yang kena dibayar akan serta-merta kena dibayar sepenuhnya oleh Ahli Kad tanpa menjejaskan hak Bank untuk menuntut bayaran:
- a) jika Ahli Kad mungkir mana-mana kewajipan di sini atau di bawah Perjanjian Ahli Kad;
 - b) jika mungkir bayaran Ansuran Bulanan ECP atau sebarang amaun lain kena dibayar;
 - c) jika ECP ditamatkan;
 - d) jika Terma dan Syarat ini atau mana-mana bahagiannya menjadi tidak sah, batal atau terbatal;
 - e) jika mustahil atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk meneruskan ECP;
 - f) jika berlaku keadaan yang pada pandangan Bank menghalang Bank daripada menyediakan ECP;
 - g) jika Kad dibatalkan atau Akaun Ahli Kad ditamatkan.
19. Setelah diluluskan dan Jumlah ECP dikreditkan ke akaun Ahli Kad:
- a) Had kemudahan sedia ada Ahli Kad akan dikurangkan dengan amaun bersamaan dengan Jumlah ECP yang diluluskan dan akan dipulihkan secara berperingkat apabila Ansuran Bulanan ECP dibayar. BSN tidak bertanggungjawab terhadap sebarang transaksi gagal akibat ketiadaan had kemudahan; dan
 - b) Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) akan dikenakan ke atas Jumlah ECP yang diluluskan bagi Pelan AA dan Pelan AB dan akan dibilkan pada Penyata Akaun berikutnya setelah diluluskan.
20. Semua baki tertunggak ECP akan dibilkan ke Akaun Ahli Kad dan caj bayaran lewat/Ta'widh (ganti rugi) akan dikenakan selaras dengan Perjanjian Ahli Kad BSN sekiranya:
- a) Ahli Kad mungkir kewajipan di sini atau di bawah Perjanjian Ahli Kad BSN;
 - b) Ahli Kad gagal menjelaskan Ansuran Bulanan ECP atau apa-apa jumlah lain yang perlu dibayar kepada BSN melebihi sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir bayaran; Berhubung dengan perkara ini, BSN juga mengekalkan haknya untuk menamatkan ECP sekiranya Ahli Kad gagal membayar ansuran penuh bagi dua (2) bulan berturut-turut; dan/atau
 - c) ECP dibatalkan atau ditamatkan.

Ahli Kad hendaklah segera menyelesaikan semua baki tertunggak termasuk fi dan caj berkaitan.

21. Sepanjang tempoh ECP, Ahli Kad perlu membayar penuh jumlah ansuran bulanan sebelum tarikh akhir pembayaran. Jumlah tersebut akan dikreditkan ke Akaun Kad Kredit Ahli Kad. Jika gagal, kadar keuntungan/faedah semasa akan dikenakan ke atas baki ansuran belum dibayar sehingga diselesaikan. Jika Ahli Kad gagal membayar penuh ansuran bagi dua bulan berturut-turut, ECP akan ditamatkan secara automatik.
22. Tanpa menjejaskan Klausula 17 dan 18, jika Ahli Kad melanggar mana-mana kewajipan di sini, Perjanjian Ahli Kad BSN akan terpakai terhadap semua ansuran atau baki tertunggak.
23. Ahli Kad bertanggungjawab membayar semua fi dan caj ke atas Kad dan tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau pihak berkuasa yang berkaitan pada kadar semasa.
24. BSN berhak menambah, mengubah, meminda, memotong atau menggantikan keseluruhan atau sebahagian ECP dengan skim lain, sama ada serupa atau tidak, atau menarik balik dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Ahli Kad.
25. Sebarang tambahan, pengubahsuaian, perubahan, pindaan, pemadaman atau variasi terhadap Terma dan Syarat ini akan mengikat Ahli Kad dan dianggap telah dimaklumkan kepada serta diketahui oleh Ahli Kad melalui paparan di BSN, penghantaran notis oleh BSN, iklan di laman media sosial rasmi BSN, Laman Sesawang BSN di www.bsn.com.my ("Laman Sesawang BSN") atau melalui apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.
26. Bank berhak untuk mendebit secara automatik semua atau mana-mana Jumlah ECP tertunggak ke Akaun Ahli Kad sekiranya Ahli Kad menamatkan penggunaan kad atau Akaun Ahli Kad ditutup oleh Bank atas apa jua sebab.
27. Ahli Kad bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang liabiliti, kejadian, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul daripada penyertaan dalam ECP ini.
28. Jika berlaku perubahan nombor Akaun Ahli Kad, ECP akan didebitkan secara automatik ke akaun kad kredit baru yang dikeluarkan di bawah prosedur "penukaran", "kad hilang" atau "penipuan".
29. BSN tidak bertanggungjawab terhadap masalah teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada membuat permohonan ECP ini.
30. Dalam apa jua keadaan, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau dipertanggungjawabkan kepada Ahli Kad terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa had kepada kehilangan pendapatan, keuntungan, nama baik, peluang perniagaan atau kerugian/kerosakan secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas kepada mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau bagaimanapun ia timbul sama ada melalui kontrak, kecuaian atau sebaliknya, yang berkaitan dengan ECP.

31. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Ahli Kad dalam ECP ini. BSN juga tidak bertanggungjawab jika berlaku force majeure termasuk bencana alam, pandemik, peperangan, mogok, rusuhan, keganasan, kebakaran, banjir, kegagalan sistem, atau apa-apa keadaan di luar kawalan munasabah BSN.
32. Dengan menyertai ECP, Ahli Kad bersetuju:
- Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, Terma dan Syarat di bawah Perjanjian Ahli Kad bagi Kad Kredit/-i BSN dan/atau mana-mana Terma dan Syarat lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk sebarang pindaan terhadapnya;
 - Untuk mengakses Laman Sesawang BSN di www.bsn.com.my ("Laman Sesawang BSN") secara berkala bagi melihat Terma dan Syarat serta memastikan sentiasa dikemas kini dengan sebarang perubahan atau pindaan yang dibuat terhadap Terma dan Syarat; dan
 - Semua keputusan BSN berkenaan dengan ECP adalah muktamad, konklusif, tidak boleh dipertikaikan dan mengikat semua Ahli Kad. Sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan perkara tersebut tidak akan dilayan.
33. BSN berhak:
- Untuk mengubah, menggantung atau membatalkan ECP sekiranya ia tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang, terganggu secara teknikal atau rosak, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, gangguan, campur tangan tanpa kebenaran, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab lain di luar kawalan BSN, walaupun BSN telah berusaha sedaya upaya;
 - Untuk membatalkan kelayakan mana-mana Ahli Kad yang didapati atau disyaki telah mengganggu proses ECP, operasi ECP atau melanggar Terma dan Syarat ECP ini; dan
 - Mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang disyaki melakukan penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan ECP.
34. Ahli Kad bersetuju dan memberikan keizinan terhadap butiran peribadi mereka termasuk tanpa had kepada Data Peribadi atau maklumat yang dikumpul, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, jika ada, bagi tujuan ECP selaras dengan Polisi Privasi BSN yang boleh dilihat di Laman Sesawang BSN.
35. Ahli Kad berhak pada bila-bila masa untuk:
- Menarik balik kebenaran penggunaan Data Peribadi;
 - Meminta pembetulan/kemaskini Data Peribadi; dan
 - Membuat pertanyaan berkaitan Data Peribadi dengan menghubungi BSN.
36. Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat di bawah Perjanjian Ahli Kad bagi Kad Kredit/-i BSN dan Ahli Kad bersetuju bahawa Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat di bawah Perjanjian Ahli Kad bagi Kad Kredit/-i BSN. Sekiranya terdapat percanggahan antara mana-mana Terma dan Syarat ini dengan Terma dan Syarat di bawah Perjanjian Ahli Kad bagi Kad Kredit/-i BSN,

Terma dan Syarat ini akan mengatasi setakat mana ia berkaitan dengan ECP.

37. Jika berlaku percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana iklan, promosi, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai. Sebarang perkara yang tidak diliputi di sini akan ditentukan oleh BSN.
38. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang salah tafsir oleh Ahli Kad berhubung Kadar Keuntungan/Faedah yang ditawarkan dan diterbitkan di Laman Sesawang BSN atau di laman media sosial rasmi BSN, bahan pemasaran atau pengiklanan.
39. Semua Terma dan Syarat di sini ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
40. Semua istilah yang dikapitalkan yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad bagi Kad Kredit/-i BSN kecuali dinyatakan sebaliknya.

Versi:102025